Lengkapkan sinopsis cerpen 'Hadiah' dengan jawapan yang betul.

| | | | |
|---|---|---|---|
| Keluarga | Cikgu Zaleha | tawaran | emak |
| tudung saji | murid | berusaha | menerima |
| menganyam | duit | Kraf Tangan | Azizah |
| tidak | Karya Inovatif | Hari Guru | sedih |
| hadiah | guru | rekaan | bapa |

Sekumpulan _____ bercakap-cakap tentang hadiah yang akan diberikan kepada

_____ kesayangan mereka sewaktu sambutan _____ nanti. Setiap murid menceritakan kehebatan hadiah yang akan diberikan. _____, seorang pelajar yang miskin tidak mampu untuk memberikan hadiah kepada guru kesayangannya, _____. Azizah berasa risau dan _____ kerana dia tidak mampu untuk membeli hadiah untuk gurunya.

Azizah cuba meminta _____ daripada _____nya, namun hampa kerana emaknya menyatakan bahawa dia _____ mempunyai duit untuk diberikan kepada Azizah. Azizah cuba meminta duit daripada _____nya pula. Namun, sekali lagi Azizah terpaksa menerima hakikat bahawa _____nya tidak mampu untuk memberi duit kepadanya.

Emaknya telah mencadangkan agar Azizah membuat _____ untuk dihadiahkan kepada Cikgu Zaleha. Setelah mempelajari cara _____ daripada emaknya, Azizah berusaha menyiapkan tudung saji yang cantik untuk diberikan kepada Cikgu Zaleha. Apabila Hari Guru tiba, Azizah menyerahkan _____ kepada guru kesayangannya. Azizah dikejutkan dengan _____ oleh Cikgu Zaleha kepadanya tentang suatu pertandingan.

Setelah _____ tawaran tersebut, Azizah _____ sedaya upayanya untuk menghasilkan pelbagai _____ berkualiti dan menarik. Akhirnya, dia memenangi Pertandingan _____ Peringkat Daerah dan seterusnya ke peringkat negeri. Sehinggalah dia akhirnya berjaya menambat hati juri di peringkat kebangsaan dengan memenangi Kategori _____.

LIVEWORKSHEETS

LIVEWORKSHEETS